



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(40)  
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 23 Ogos 2016

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 3/2016**

Permohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

- 1. (a) JAWATAN : PEMBANTU AWAM GRED H11**
- (b) PENEMPATAN:** Bahagian Biodiversiti Hutan
- (c) PROJEK :** *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)*
- (d) TARAF JAWATAN :** Kontrak
- (e) JADUAL GAJI:** RM 1,000.00 (Minimum) – RM 2,939.00 (Maksimum)
- (f) IMBUHAN**
- |                          |   |          |
|--------------------------|---|----------|
| (i) Tetap Khidmat Awam   | : | RM95.00  |
| (ii) Tetap Perumahan     | : | RM300.00 |
| (iii) Bantuan Sara Hidup | : | RM300.00 |

**(g) SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) Penaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(Gaji permulaan pada Gred H11 RM 1,000.00); dan

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut / motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

**(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(i) SYARAT TAMBAHAN**

- (i) Mempunyai minat dan pengalaman bekerja di dalam persekitaran hutan;
- (ii) Boleh bekerja dengan jadual waktu yang fleksibel, kerja lebih masa dan pada cuti hujung minggu dan cuti umum;
- (iii) Boleh melaksanakan tugas mengumpul, memelihara dan mengurus semua bentuk organisme biologi serta mempunyai kemahiran memanjat pokok;

**(j) SKOP TUGAS**

- (i) Menyediakan sokongan tenaga kerja untuk aktiviti lapangan dan makmal kajian biologi termasuklah melaksanakan tetapan plot, menjalankan kajian dan inventori, mengumpul, merekod dan pemprosesan spesimen, merekod data dan melaksanakan pengecaman spesies menggunakan garis panduan standard;
- (ii) Melaksanakan lain-lain tugas yang diperlukan bagi memenuhi keperluan projek.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses

## **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 September 2016 (selasa)**

## **CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: 10193261